Kepentingan Memperkukuh Pengawalan dan Penyeliaan Risiko Mudah Tunai di Malaysia

Krisis Silicon Valley Bank (SVB)

Krisis kewangan global yang berlaku antara tahun 2007–09 menyaksikan pembaharuan pada pengawalseliaan peringkat global bagi menambah baik keupayaan sektor perbankan untuk menyerap kejutan kewangan dan ekonomi. Antaranya ialah pelaksanaan Basel III yang terdiri daripada rangka kerja untuk memperkukuh piawaian modal dan mudah tunai global. Kualiti serta tahap modal dan mudah tunai yang lebih tinggi yang dipegang oleh institusi perbankan telah membantu memastikan sistem perbankan terus berdaya tahan terhadap pelbagai kejutan kewangan dan ekonomi, termasuk pandemik COVID-19.

Namun begitu, kegagalan sebilangan bank di beberapa ekonomi maju pada awal tahun 2023 telah mencetuskan apa yang dianggap sebagai tekanan yang paling ketara ke atas keseluruhan sistem perbankan, dari segi skala dan skop semenjak krisis kewangan global.[1] Satu contoh bank yang gagal pada bulan Mac 2023 ialah SVB yang mengalami aliran keluar deposit secara mendadak[2] dalam masa yang singkat, lantas menjurus kepada kegagalannya.

Beberapa pemerhati menegaskan bahawa meskipun kegagalan SVB dicetuskan oleh keadaan makroekonomi yang berubah dengan pantas, kerapuhan SVB berpunca daripada kelemahan terasnya dalam pengurusan risiko mudah tunai (diringkaskan dalam Gambar Rajah 1).

Kegagalan SVB juga mendedahkan bagaimana dinamik mudah tunai telah berubah seiring dengan pendigitalan kewangan, lantas meningkatkan cabaran pengurusan mudah tunai bagi institusi perbankan. Pertama, penggunaan perbankan dalam talian dan mudah alih serta pembayaran segera yang semakin meluas bukan sahaja memudahkan tetapi juga membolehkan pelanggan memindahkan dana mereka masuk dan keluar dari mana-mana bank. Kedua, penyebaran maklumat yang pantas dan meluas melalui penggunaan media sosial telah meningkatkan sensitiviti institusi perbankan terhadap risiko reputasi dan peralihan sentimen orang ramai, terutamanya apabila melalui suasana yang tidak menentu. Faktor-faktor ini meningkatkan lagi kepantasan dan magnitud pengeluaran wang dari bank (*bank run*), sekali gus menambahkan kesukaran institusi perbankan mengurus risiko mudah tunai.

[1] Basel Committee on Banking Supervision, 2023.
[2] Pengeluaran deposit tertinggi adalah pada 9 Mac 2023. Pada hari tersebut sahaja, aliran keluar deposit berjumlah USD42 bilion. SVB seterusnya diletakkan di bawah penerimaan (*receivership*) pada 10 Mac 2023 yang menyebabkan pengeluaran deposit digantung buat sementara waktu. Sekiranya SVB terus dibuka, dianggarkan bank tersebut akan mengalami aliran keluar deposit sebanyak USD100 bilion lagi pada hari tersebut, di mana jumlah keseluruhan pengeluaran mencapai sebanyak 85% daripada depositnya.

Gambar Rajah 1: Kelemahan Utama Dalam Mekanisme Mudah Tunai SVB yang Mempercepatkan Kegagalannya



Sumber: Board of Governors of the Federal Reserve System

Tindak balas pengawalan dan penyeliaan global

Kesan daripada krisis perbankan akibat kegagalan SVB dan beberapa bank lain pada tahun 2023 secara relatifnya agak terkawal, dengan kesan yang terhad terhadap kestabilan sistem kewangan global. Hal ini mengesahkan keberkesanan Basel III dan pembaharuan kewangan lain yang dilaksanakan selepas krisis kewangan global bagi meningkatkan kualiti dan tahap modal dan mudah tunai institusi perbankan. Krisis ini juga menekankan betapa pentingnya institusi perbankan untuk mengamalkan pengurusan risiko mudah tunai yang kukuh.

Pada peringkat global, Basel Committee on Banking Supervision (BCBS) telah mengambil iktibar berkaitan dengan pengawalan dan penyeliaan sistem perbankan daripada kegagalan SVB dan krisis tersebut. BCBS juga sedang menjalankan analisis bagi menentukan sama ada ciri-ciri Rangka Kerja Basel (Basel Framework), khususnya yang berkaitan dengan risiko mudah tunai dan risiko kadar faedah dalam buku perbankan (*interest rate risk in the banking book*, IRRBB), telah berfungsi seperti yang dijangka semasa krisis.

Perkembangan pengawalan dan penyeliaan risiko mudah tunai di Malaysia

Meskipun kegagalan SVB dan krisis perbankan secara umumnya hanya memberikan kesan terhad kepada Malaysia, Bank Negara Malaysia (BNM) telah melaksanakan beberapa langkah untuk memperkukuh pengawalan dan penyeliaan risiko mudah tunai (diringkaskan dalam Gambar Rajah 2). Antara langkah yang diambil termasuk melaksanakan beberapa inisiatif pada tahun 2023, yang kebanyakannya telah dirancang atau dimulakan sebelum krisis SVB. Namun begitu, krisis tersebut telah memberikan dorongan tambahan dan menyerlahkan dimensi risiko yang baharu untuk dipertimbangkan.

Sebagai sebahagian daripada penyeliaan yang berterusan, BNM telah menjalankan **semakan secara bersasar ke atas amalan pengurusan pendanaan dan risiko mudah tunai** untuk melihat bagaimana institusi perbankan menguruskan penumpuan deposit dan menetapkan paras ambang pemantauan untuk penunjuk risiko utama, di samping menilai andaian-andaian ujian tekanan mudah tunai dan pelan pendanaan luar jangka (*contingency funding plan*) mereka.

Gambar Rajah 2: Inisiatif Utama untuk Mengukuhkan Daya Tahan Mudah Tunai Sektor Kewangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Selain itu, BNM turut melaksanakan **penilaian tematik terhadap pelaksanaan Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR)[3] dan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (Net Stable Funding Ratio, NSFR)[4]** oleh institusi perbankan. Penilaian ini memberikan tumpuan pada keberkesanan kawalan, termasuk tadbir urus, sistem dan proses, yang berkaitan dengan pengiraan dan pelaporan nisbah-nisbah tersebut. Meskipun secara umumnya kawalan didapati mencukupi dan berkesan, penilaian tersebut telah mengenal pasti beberapa penambahbaikan yang perlu diambil oleh sesetengah bank bagi memperkukuh dasar dan prosedur dalaman. Hal ini bagi memastikan pengawasan yang mencukupi dan penilaian berkala dilakukan terhadap proses pengiraan dan pelaporan.

Institusi perbankan juga dikehendaki untuk melaksanakan **penilaian kendiri, mengambil iktibar daripada krisis perbankan** dan kesannya ke atas amalan perniagaan, tadbir urus dan pengurusan risiko mereka. Berikutan penilaian tersebut, institusi perbankan telah mengambil langkah-langkah untuk mempertingkatkan dan memperhalusi aspek amalan pengurusan risiko mudah tunai mereka. Langkah-langkah tersebut sebahagian besarnya tertumpu pada memantapkan parameter yang digunakan untuk tujuan memantau dan memodelkan penumpuan pendeposit; memastikan paras ambang pemantauan dalaman mengambil kira risiko mudah tunai berkaitan dengan saluran perbankan dalam talian; serta menguji pelan pendanaan luar jangka.

Pada bulan Ogos, BNM mengeluarkan **draf dedahan mengenai Risiko Mudah Tunai** untuk mendapatkan maklum balas orang ramai. Draf dedahan tersebut menetapkan piawaian mengenai amalan pengurusan risiko mudah tunai yang mantap untuk institusi perbankan (diringkaskan dalam Gambar Rajah 3), sekali gus melengkapkan keperluan pengawalseliaan minimum mudah tunai yang ditetapkan oleh LCR dan NSFR.

Kehendak yang terdapat dalam draf dedahan tersebut juga konsisten dengan prinsip-prinsip[5] yang dikeluarkan oleh BCBS dan Islamic Financial Services Board (IFSB), serta sejajar dengan pendekatan semasa BNM berhubung dengan penyeliaan risiko mudah tunai dalam sistem perbankan. Draf ini bertujuan untuk mewujudkan garis dasar yang sama untuk amalan pengurusan risiko yang mantap, sambil mengambil kira iktibar yang diperoleh daripada krisis perbankan baru-baru ini. Hal ini termasuk kehendak khusus untuk institusi perbankan menilai dan menguruskan risiko penumpuan dengan secukupnya serta menilai kualiti aset mudah tunai daripada pelbagai dimensi. Institusi perbankan juga dikehendaki memberikan tumpuan yang sewajarnya kepada risiko yang baru muncul seperti risiko yang berkaitan dengan pengeluaran wang secara dalam talian dan sentimen negatif orang ramai dalam media sosial, yang mengambil kira perubahan dinamik tingkah laku pengeluaran deposit yang disebabkan oleh kewangan digital. BNM menyasarkan untuk memuktamadkan keperluan risiko mudah tunai tersebut dan menerbitkan dokumen dasar ini pada separuh kedua tahun 2024.

Pada masa yang sama, sebagai sebahagian daripada usaha untuk memastikan keberkesanan keperluan pengawalseliaan minimum mudah tunai BNM, **pemeriksaan terhadap prestasi faktor ketirisan (*run-off*) LCR** dijalankan untuk menentukan sama ada pelarasan faktor ketirisan tersebut mencerminkan tekanan yang munasabah dan pengalaman institusi perbankan sebelum ini. Kajian ini mendedahkan bahawa bagi sesetengah institusi perbankan, aliran keluar sebenar yang pernah dicatatkan di bawah senario ekstrem bagi jenis deposit tertentu, contohnya deposit perusahaan kecil dan sederhana (PKS), adalah melebihi kadar ketirisan LCR yang ditetapkan. Namun begitu, institusi perbankan yang mengalami aliran keluar sedemikian juga melaporkan nisbah LCR keseluruhan yang tinggi, lazimnya antara 148% hingga 300%, sekali gus menyediakan penampan yang mencukupi untuk menghadapi kemungkinan aliran keluar deposit.

---

[3] Keperluan kuantitatif yang bertujuan untuk memastikan institusi perbankan memegang aset mudah tunai berkualiti tinggi yang mencukupi untuk berhadapan dengan senario tekanan mudah tunai yang akut sepanjang tempoh 30 hari.

[4] Piawaian minimum yang memerlukan institusi perbankan untuk mengekalkan profil pendanaan yang stabil bagi menyokong aset dan aktiviti luar penyata kewangan mereka.

[5] Hal ini merujuk Principles for Sound Liquidity Risk Management and Supervision yang dikeluarkan oleh BCBS pada 25 September 2008. Pada tahun 2019, BCBS telah melengkapkan kajian semula prinsip-prinsip ini dan mendapatinya terus sesuai untuk tujuan. https://www.bis.org/publ/bcbs144.htm

Gambar Rajah 3: Ringkasan Prinsip Utama Pengurusan Risiko Mudah Tunai



Sumber: Bank Negara Malaysia

BNM juga **memperkukuh piawaian pengawalseliaan IRRBB/ risiko kadar pulangan dalam buku perbankan (*rate of return risk in the banking book*, RORBB)**, sebagai sebahagian daripada usaha untuk menggalakkan pengurusan dedahan risiko kadar faedah/risiko kadar pulangan yang mantap, dan secara amnya amalan pengurusan aset-liabiliti (*asset-liability management*, ALM) yang lebih kukuh di institusi perbankan. Lebih khusus lagi, BNM sedang berusaha untuk menambah baik amalan industri dalam mengenal pasti dan mengukur sensitiviti aset dan liabiliti mereka terhadap risiko kadar faedah/risiko kadar pulangan dan seterusnya mengambil tindakan untuk menangani sebarang kelemahan yang timbul. Inisiatif ini dijangka dapat memanfaatkan usaha yang sedang dijalankan oleh BCBS untuk mengemas kini pelarasan dan metodologi yang digunakan untuk mengira kesan kejutan kadar faedah.

Usaha terkini BNM dalam bidang ini juga merangkumi kerjasama berterusan dengan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) untuk memperkukuh keupayaan dan kesiapsiagaan apabila bertindak balas terhadap krisis. Pada tahun 2024, BNM dan PIDM akan menjalankan **semakan bagi menilai kecukupan dan kredibiliti pelan pemulihan** yang disediakan oleh institusi perbankan untuk bertindak balas terhadap tekanan mudah tunai. Pada masa yang sama, BNM juga sedang **mempertingkatkan dan memperjelas pelbagai aspek rangka kerja operasinya mengenai bantuan mudah tunai** kepada institusi perbankan sekiranya berlaku krisis mudah tunai.[6]

Menangani cabaran struktur dalam pengurusan risiko mudah tunai oleh institusi perbankan Islam

Institusi perbankan Islam menghadapi beberapa cabaran struktur dalam menguruskan risiko mudah tunai, termasuk cabaran yang berkaitan dengan perbezaan profil aset dan liabiliti mereka berbanding dengan institusi perbankan konvensional. Khususnya, institusi perbankan Islam lazimnya mencatatkan penumpuan yang lebih tinggi dalam pendanaan borong, memandangkan kebergantungan mereka pada deposit korporat untuk menyokong pertumbuhan pembiayaan. Kedalaman pasaran instrumen mudah tunai patuh Syariah juga masih lebih terhad kerana kumpulan peserta pasaran yang lebih kecil dan produk pasaran wang patuh Syariah yang lebih sedikit berbanding dengan pasaran konvensional.

BNM bekerjasama rapat dengan industri perbankan sejak beberapa tahun yang lalu bagi menangani cabaran ini menerusi beberapa langkah (diringkaskan dalam Gambar Rajah 4). Sebagai sebahagian daripada usaha ini, BNM juga sedang menjalankan kajian semula secara menyeluruh terhadap peranan dan operasi akaun pelaburan *(investment accounts)* bersama-sama dengan industri untuk menangani ketidakseimbangan pendanaan yang diperhatikan dalam institusi perbankan Islam.

Gambar Rajah 4: Inisiatif Utama yang Dilaksanakan untuk Menangani Cabaran yang Dihadapi oleh Industri Perbankan Islam



[1] Global Market Repurchase Agreement

Sumber: Bank Negara Malaysia

[6] Rujuk rencana bertajuk 'Operasi Mudah Tunai Bank Negara Malaysia bagi Mencapai Mandatnya' dalam Buletin Suku Tahunan BNM Jilid. 38 No.1 untuk butiran lanjut. https://www.bnm.gov.my/documents/20124/10644344/qb23q1_bm_box1.pdf

Rujukan

Basel Committee on Banking Supervision. (2023). 'Report on the 2023 banking turmoil'. Diambil daripada https://www.bis.org/bcbs/publ/d555.htm

Board of Governors of the Federal Reserve System. (2023). 'Review of the Federal Reserve's Supervision and Regulation of Silicon Valley Bank'. Diambil daripada https://www.federalreserve.gov/publications/review-of-the-federalreserves-supervision-and-regulation-of-silicon-valley-bank.htm

Silicon Valley Bank Financial Group. (2023). 'Q4 2022 Financial Highlights'. Diambil daripada https://ir.svb.com/financials/quarterly-results/default.aspx